


MAKLUMAT PESAKIT

Ubat Untuk Merawat

Penyakit
Tekanan Darah Tinggi

Diuretik



Medicine To Treat: **Hypertension**

Diuretics

APAKAH KEGUNAAN DIURETIK?

Ubat ini bertindak terhadap buah pinggang bagi membuang air dan garam yang berlebihan dalam tubuh. Ini akan mengurangkan jumlah air dalam tubuh serta mengurangkan tekanan pada dinding saluran darah dan tekanan terhadap jantung. Ianya juga digunakan untuk mengurangkan cecair di dalam paru-paru untuk menjaga agar jantung tidak rosak.

APAKAH KEMUNGKINAN KESAN-KESAN SAMPINGAN DIURETIK?

- Oleh kerana diuretik meningkatkan kehilangan garam melalui buah pinggang, anda akan buang air dengan lebih kerap dan banyak.
- Anda boleh merasa pitam, terutama apabila anda bangun dari kedudukan baring atau duduk. Ini berkemungkinan berlaku pada waktu pagi.
- Anda mungkin jadi lemah, penat, kerap kehausan, kekejangan otot atau hilang selera makan. Ini merupakan tanda-tanda kehilangan zat potassium.
- Anda mungkin mendapat ruam atau kulit menjadi sensitif pada cahaya matahari.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak

APAKAH LANGKAH BERJAGA-JAGA YANG HARUS SAYA AMBIL?

- Ubat anda boleh menyebabkan anda kehilangan zat potassium. Sekiranya doktor anda telah memberi zat potassium tambahan seperti potassium chloride, pastikan anda mengambilnya bersama ubat anda.
- Sekiranya anda tidak mengambil potassium tambahan, maka anda seharusnya meningkatkan pemakanan makanan yang kaya dengan potassium, seperti jus oren segar, pisang, nenas dan kismis.

APAKAH JENIS DIURETIK YANG BIASA DIGUNAKAN?

- Hydrochlorothiazide
- Frusemide

APAKAH HARUS SAYA BUAT SEKIRANYA SAYA TERLUPA SATU DOS?

Sekiranya anda tertinggal satu dos, ambillah dos yang tertinggal itu sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya masa untuk dos yang tertinggal itu berhampiran dengan dos yang selanjutnya teruskan dengan dos kebiasaan anda tanpa mengambil dos tambahan.

BAGAIMANAKAH SAYA HARUS MENYIMPAN UBAT SAYA?

- Simpan ubat anda di tempat yang sejuk, kering dan terpelihara dari kelembapan, kepanasan dan sinaran tepat matahari, kecuali diarahkan.
- Simpan ubat di dalam bekas aslinya yang berlabel. Jangan campur-adukkan ubat-ubat yang lain dalam satu bekas.

Buang kesemua ubat yang telah lama atau tidak diperlukan lagi